

EKSPEDISI IMBAK CANYON



Kumpulan penyelidik Fizikal dan Landskap di ketua oleh Prof. Felix Tongkul

Akademi Sains Malaysia dan Kumpulan Yayasan Sabah dengan kerjasama Taman-taman Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Hidupan Liar Sabah, Pusat Biodiversiti Sabah, Universiti Malaysia Sabah, WWF-Malaysia, dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah menganjurkan Ekspedisi Sainifik Imbak Canyon pada 26 November 2010 – 5 Disember 2010. Terdapat lima kumpulan besar dalam ekspedisi ini iaitu biodiversiti (flora dan fauna), air dan hidupan akuatik, fizikal dan landskap dan komuniti tempatan. Pensyarah dari SST mengetuai kumpulan fizikal dan landskap (Prof. Felix Tongkul) dan air dan hidupan akuatik (Cik Kamsia Budin). Prof. Felix Tongkul selaku ketua kumpulan fizikal dan lanskap memfokuskan kajian dalam bidang geologi, dimana seramai 8 orang ahli geologi dari UMS, UKM, UM dan UTP terlibat dalam ekspedisi ini. Kajian geologi yang terlibat ialah pemetaan batuan, struktur geologi, sedimentologi, geomorfologi, petrologi, geokimia hidrokarbon dan geokimia tanah. . Kajian kumpulan air dan hidupan akuatik melibatkan analisis kualiti air, kepelbagaian hidupan akuatik dan ikan. Beberapa penemuan baru telah ditemui dalam ekspedisi ini dan sangat penting untuk memperkayakan nilai sains

serta mempromosikan kawasan ini sebagai kawasan pelancong dan penyelidik dari dalam dan luar negara.

Artikel oleh: PM. Dr Baba Musta



Singkapan batuan dan air terjun menuju ke Mount Kuli.



Penempatan peserta Ekspedisi Imbak dikhemah sementara.